

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAZALI BIN  
IDRIS**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK RAZALI BIN IDRIS** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah isu-isu yang timbul semasa pelaksanaan undang-undang dan peraturan e-hailing pada 2019 lalu seperti masalah kapasiti latihan memandu, kapasiti pemprosesan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan sebagainya yang menimbulkan kesukaran untuk rakyat menyertai industri tersebut tidak akan berulang lagi dengan peraturan p-hailing yang bakal dilaksanakan kelak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Susulan pandemik COVID-19, sektor perkhidmatan penghantaran barangan ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang seterusnya membawa manfaat kepada rakyat Malaysia, terutamanya melibatkan kumpulan B40. Sektor perkhidmatan ini akan menjadi satu norma baharu dan punca pendapatan alternatif kepada mereka yang telah kehilangan pekerjaan. Di samping itu, kelestarian jangka masa panjang sektor perkhidmatan ini akan turut menyumbang kepada usaha untuk menjana semula pembangunan ekonomi negara dengan melahirkan lebih banyak perniagaan dan usahawan tempatan baharu.

Justeru, sebarang aspek pengawalseliaan kelak akan memberi fokus bagi memastikan industri ini adalah berdaya saing, adil, mempunyai tahap perkhidmatan yang terbaik, terkawal dan selamat demi menjaga kepentingan penyedia perkhidmatan, penunggang atau pemandu serta orang ramai sebagai pelanggan.

Antara isu utama yang dikenalpasti telah melewati proses pengawalseliaan peraturan e-hailing sebelum ini adalah proses pendaftaran/pelesenan yang dilaksanakan secara manual dan kelewatan dalam proses mendapatkan lesen vokasional. Akibatnya, walaupun pihak syarikat telah mula mendaftar bagi dilesenkan, namun proses untuk mendapatkan lesen vokasional oleh pemandu telah tertangguh dan menyebabkan berlakunya lambakan permohonan untuk mendapatkan lesen ini di saat akhir.

Bagi mengelakkan perkara sama berulang, Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensinya akan memastikan proses pelesenan, garis panduan dan peraturan dimuktamadkan dengan lebih awal. Selain itu, semua proses pelesenan terlibat akan dilaksanakan secara atas talian semaksima yang boleh bagi melicinkan, memendekkan masa, mengurangkan kos dan memudahkan proses tersebut.

## SOALAN NO. 1

Pihak JPJ dan APAD juga telah melaksanakan proses integrasi sistem yang mana segala maklumat berkaitan pendaftaran dan pelesenan syarikat, penunggang, pemandu serta kenderaan akan dilaksanakan secara atas talian. Kaedah pelesenan yang sama juga akan diperluaskan untuk semua kenderaan perdagangan lain termasuk *e-hailing*.